

07 AUG 1996

Fiji-Kerjasama

FIJI INGIN TUBUH INSTITUSI SEPERTI ITM

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Fiji Sitiveni Rabuka berkata beliau kagum dengan struktur Institut Teknologi MARA dan berharap untuk menubuhkan institusi yang serupa di negaranya.

Ketika bercakap kepada pemberita di akhir lawatan tiga harinya ke Malaysia, beliau berkata konsep ITM sangat wajar bagi Fiji.

Rabuka yang melawat ITM semalam, berkata beliau akan membincangkan konsep ITM itu dengan kabinetnya untuk mendapatkan sokongan bagi penubuhan sebuah institusi yang serupa di negaranya.

"Saya berpendapat ia sangat penting kepada kestabilan politik kami," kata beliau kepada pemberita di KL Hilton selepas dikunjungi oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Fiji juga berminat untuk mempelajari lebih mendalam mengenai program perancangan ekonomi Malaysia khususnya berhubung konsep kegiatan ekonomi tidak dirancang secara berasingan.

"Ia memberi pertimbangan politik yang kukuh sebagai sebahagian daripada program pembangunan ekonomi kerajaan di sini, dan mungkin perancang ekonomi kami boleh mempelajari daripadanya," kata beliau.

Rabuka berkata beliau berharap untuk mendapatkan kerjasama kaum-kaum terbesar di Fiji bagi menjalin perpaduan seperti yang terdapat di Malaysia.

Sambil menyifatkan lawatannya ke Malaysia sebagai amat baik, beliau berkata sektor swasta kedua-dua negara boleh mengukuhkan hubungan Malaysia-Fiji dengan meningkatkan kerjasama mereka.

Beliau mempelawa rakyat Malaysia menambah pelaburan mereka dalam industri-industri berasaskan pertanian dan juga pelancongan di Fiji selain menceburi bidang-bidang baru seperti akuakultur.

Walaupun Fiji menggalakkan pembinaan hotel lima bintang, negara itu akan menimbang cadangan menubuhkan hotel bertaraf lebih rendah di luar kawasan utama pelancongan di negara itu. -- BERNAMA

AZZ MAI